



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

POLISI ANTIRASUAH

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



POLISI **ANTIRASUAH**

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Assalamualaikum WBT
dan Selamat Sejahtera,**

Polisi Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibangunkan adalah sebagai panduan kepada warga KPM membanteras perlakuan rasuah. Usaha ini menandakan komitmen dalam memastikan integriti di kalangan warga KPM terus diperkukuh.



KPM juga komited dengan pendirian toleransi sifar terhadap rasuah (*zero tolerance towards corruption*) sebagai asas utama dalam setiap tindakan dilaksanakan dengan telus dan adil. Sifar toleransi ini menggambarkan azam KPM untuk memastikan landskap pendidikan menolak sebarang bentuk rasuah di semua peringkat.

Semoga seluruh warga KPM terus bersatu dalam memperjuangkan nilai-nilai kejujuran, integriti dan keadilan dan melangkah ke hadapan menuju ke arah sistem pendidikan yang bersih daripada rasuah.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI

PERUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Assalamualaikum WBT
dan Selamat Sejahtera,**

Polisi Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibangunkan untuk memastikan bahawa warga KPM bebas daripada sebarang amalan rasuah.



Polisi ini melarang warga KPM daripada menerima atau memberikan sebarang suapan atau hadiah yang berkaitan dengan tugas rasmi. Selain itu, polisi ini juga melarang warga KPM daripada menggunakan kedudukan atau kuasa untuk mendapatkan keuntungan peribadi atau memberikan kelebihan kepada pihak tertentu.

Sekiranya terdapat sebarang amalan rasuah yang melibatkan warga KPM, tindakan melapor hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa. Justeru, saya menggesa semua warga KPM untuk memahami dan mematuhi polisi ini bagi memastikan integriti dan kepercayaan awam terhadap KPM kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

PUAN SITI ZAKIAH BINTI CHE MAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PEMAKAIAN	1
4. TAKRIFAN	1
5. PERNYATAAN POLISI	4
6. JENIS-JENIS PERLAKUAN RASUAH	5
7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH	6
8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA	10
9. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KPM	11
10. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	12
11. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM	12
12. PERTANYAAN DAN PELAPORAN	12
13. PENGUATKUASAAN	12

1. TUJUAN

Polisi Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diwujudkan selaras Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 sebagai sumber rujukan dalam usaha memerangi rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah di KPM.

2. LATAR BELAKANG

Polisi Antirasuah dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada KPM dalam mengatasi kelemahan governans dan pelanggaran integriti.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini hendaklah dijadikan panduan kepada warga KPM, agensi di bawah KPM, pemegang taruh/pihak berkepentingan dan pihak ketiga yang berurusan dengan warga KPM dan agensi di bawahnya.

4. TAKRIFAN

Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi (Seksyen 16 dan 17).

Suapan

Merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694 adalah seperti berikut:

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

Pemegang Taruh

Pemegang taruh adalah orang-orang perseorangan dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam projek atau pihak yang mempunyai kepentingan yang terlibat secara positif atau negatif dan boleh memberi kesan kepada pelaksanaan projek atau penyediaan projek dengan jayanya.

Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan digunakan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

Pihak ketiga

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan KPM.

Warga KPM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KPM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga KPM juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik dan Ahli Lembaga Pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KPM.

5. PERNYATAAN POLISI

KPM berpendirian “zero tolerance towards corruption” dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, KPM komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- i. Mewujudkan Unit Integriti yang bebas untuk merancang dan melaksanakan usaha-usaha mengawal rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dikalangan warga KPM dan pihak-pihak yang berurusan dengan KPM;
- ii. Kementerian melarang sama sekali perbuatan yang melibatkan rasuah dan memastikan warga KPM dan pihak-pihak yang berurusan dengan KPM mematuhi sepenuhnya undang-undang semasa berkaitan pencegahan rasuah;
- iii. Menerima pakai *Anti-Bribery Management System* (ABMS) serta menyediakan rangka kerja untuk merancang, melaksanakan dan menilai bagi mencapai objektif antirasuah;
- iv. Menyediakan dan menggalakkan penggunaan saluran aduan bagi warga KPM dan pihak-pihak yang berurusan dengan KPM menyalurkan maklumat;
- v. Memantau dan menyemak inisiatif dan program antirasuah bagi tujuan penambahbaikan berterusan;
- vi. Mengambil tindakan tegas ke atas warga KPM dan pihak-pihak yang berurusan dengan KPM sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran peraturan;
- vii. Menjalankan penilaian risiko rasuah sebagai asas untuk merangka inisiatif antirasuah;
- viii. Merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif antirasuah di bawah Pelan Antirasuah Organisasi setiap tahun;
- ix. Bekerjasama secara strategik dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah; dan
- x. KPM sentiasa memastikan warga KPM mengamalkan nilai-nilai integriti yang tinggi dan etika yang baik dalam semua urusan kerja.

6. JENIS-JENIS PERLAKUAN RASUAH

Jenis-jenis perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

Transactive

Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (*win-win situation*).

Extortive

Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.

Defensive

Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.

Investive

Bayaran untuk menjamin balasan/habuan pada masa hadapan.

Nepotisme

Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi/saudara (keluarga)/sekutu.

Autogenic

Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.

Supportive

Penempatan proksi/kroni di tempat strategik (*hotspot*) dalam organisasi.

Favouritisme

Amalan memberi layanan istimewa (pilih kasih) yang tidak adil kepada seseorang atau kumpulan dengan mengorbankan hak orang lain.

7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta 694 adalah seperti berikut:

7.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau

Mana-mana orang secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

7.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694

Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

Mana-mana orang memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

7.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

7.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

7.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

Takrifan saudara dan sekutu dihuraikan di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009 dalam Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan KPM.

7.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- ii. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- ii. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

7.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694

Subseksyen 1 - Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

Subseksyen 2 - Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i. didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
- ii. dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Subseksyen 3 - Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

Subseksyen 4 - Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i. didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- ii. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

7.8 Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana penjawat awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA

8.1 Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

8.1.1 Seksyen 3, Akta 694:

- a. mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
- b. kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
- c. kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- d. sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- e. sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

8.1.2 Seksyen 17A, Akta 694 – seksyen ini relevan kepada pihak-pihak yang berurusan dengan KPM.

8.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

8.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan Dan Tatatertib) 1993.

8.4 Pekeliling Perkhidmatan Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian UP 7.4.3 – Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti.

9. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KPM

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga KPM hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

JANGAN MINTA

Warga **KPM dilarang meminta atau menerima apa-apa** bentuk suapan.

TOLAK

Warga KPM hendaklah **menolak** apa-apa tawaran, janji atau pemberian rasuah.

LAPOR

Warga KPM hendaklah dengan **segera melaporkan** apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan atau Unit Integriti KPM atau SPRM.

Warga KPM boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1 H) seperti berikut:

- i. Siapakah (*who*) yang terlibat?
- ii. Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- iii. Dimanakah (*where*) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?

10. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Seksyen 65, Akta 694

Subseksyen 1 - Apa-apa aduan yang di buat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM, maklumat dalam aduan itu dan identiti pemberi maklumat hendaklah menjadi rahsia antara pegawai SPRM dengan pemberi maklumat, dan tidak boleh didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di bawah.

11. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

12. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 12, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)
E-mel: integriti@moe.gov.my

13. PENGUATKUASAAN

Polisi ini berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2023.



**Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras 12, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)
E-mel: integriti@moe.gov.my



Unit Integriti KPM